

Lecturer's Contribution

Memori Belajar di Luar Negara – Episod 1

Oleh Melati Desa

Hai, jika dibaca tajuk di atas pun ala-ala ingin mengenangkan masa yang telah lama berlalu. *Kami* nak bercerita sedikit ya. Sebelum tu, *kami* berbahasakan diri sendiri sebagai “*kami*” kerana dalam budaya orang utara, kata ganti nama “*kami*” ni amat dekat dengan ganti nama diri pertama dan menjadi pilihan para chombi. Nak dimulakan cerita, selepas tamat selama 2 tahun memerah otak, menghafal 45 hiragana, 45 katakana, 30 kata berkembar hiragana, 30 kata berkembar katakana dan ribuan kanji (*Chinese characters*), *kami* berjaya mendapat kelulusan untuk terbang ke Jepun. Untuk makluman semua, asalnya seramai 100 orang pelajar sahaja yang ditawarkan tempat di Rancangan Persediaan Khas ke Jepun (RPKJ) yang berpusat di Pusat Asasi Universiti Malaya (UM). Namun hanya 63 orang pelajar yang berjaya mengatasi *hurdles* di situ, termasuklah *kami*. Cerita mengenai cabaran yang dilalui itu mungkin akan *kami* coretkan di episod yang seterusnya, jika diberi keizinan.



Berdebar-debar hati muda *kami* apabila mendapat tiket dan *travellers cheque* untuk ke Jepun. Pada masa itu, *travellers cheque* dan *flight ticket* tebal berkeping-keping, tak macam sekarang hanya dengan sentuhan di hujung jari dah dapat *check in*. Jadi, sebelum berangkat, berkali-kali juga lah *kami* memeriksa kedua-dua dokumen tadi beserta *passport*. Hal ini dah menjadi seperti nyawa *kami* sebelum, semasa dan selepas terbang ke Jepun. Maklumlah, pertama kali berpeluang ke luar negara, gementar tak terkira, seronok pun ada, rasa macam, “Wow!!! *Kami* anak kampung pun berjaya menjejakkan kaki ke Menara Gading, kemudiannya ke luar negara pula tu!” Nak diteruskan cerita, setelah 6 ke 7 jam perjalanan dengan Malaysia Airlines Berhad (MAS), maka *kami* 63 orang pelajar Malaysia pun tiba di Narita Airport. Pemandangan di lapangan kapal terbang Jepun tersebut biasa sahaja tapi saiznya lebih besar daripada yang di Subang (semasa beroperasi lama dahulu. Sekarang, sedih melihat lapangan terbang Subang terbiar begitu sahaja).



Fakulti Pendidikan

Namun, sebaik sahaja menjejak kaki keluar daripada lapangan terbang, masyaAllah, pemandangan terus berubah. Patutlah Hoshino-sensei (guru kelas *kami* di UM yang comel pada masa itu) beriya-iy berpesan, “Apabila tiba di Jepun semua akan berlainan, terutamanya hal penulisan dan papan tanda.” Alamak!! Semua tulisannya sekilas pandang kelihatan hitam dan huruf-hurufnya amat tebal. Hal ini kerana kesemuanya ditulis dengan menggunakan kanji (*Chinese character* yang asalnya gambar dan dipermudahkan menjadi huruf). *Kami* sebagai pelajar sudah tentu cuba jugalah membaca setiap papan iklan dan nama-nama kedai - nak menguji kefahaman juga tu, maklumlah dah beribu kanji *kami* hafal. Alhamdulillah, berjaya membacanya! *Senpai* (pelajar *senior*) menyambut *kami* dengan baik dan *kami* terus dibawa ke pusat persinggahan di Tokyo. Pada waktu malamnya, *kami* tidur berhimpit macam adik beradik. Pengalaman yang seronok juga dan ianya menjadi satu kenangan. Pada keesokan harinya terdapat taklimat di pejabat kedutaan. Seperti biasa, *kami* tiba tepat pada waktunya, berpakaian skema dan mendengar taklimat dengan tekun. Dalam pada tekun mendengar itu, akhirnya, dengan penuh debaran, pengumuman yang ditunggu-tunggu - tiga orang daripada *kami* akan ke wilayah Saga dan antaranya adalah nama cik Melati inilah. Sebelum ke Jepun, *kami* memang telah diberitahu di mana setiap kumpulan kecil *kami* akan ditempatkan. Namun, apa yang mengejutkan ialah *kami* diberitahu bahawa tiada pelajar *senior* dari Malaysia di Saga University of Japan. Maka, *kami* bertiga lah yang menjadi *pioneers*, membawa nama Malaysia ke universiti tersebut. Pihak universiti akan menghantar wakil untuk menjemput *kami* di stesen keretapi Hakata di Fukuoka. Untuk pengenalan diri, nama-nama *kami* bertiga dipamerkan di atas kad dan *kami* dibawa oleh wakil tersebut ke Saga dengan sebuah kereta, satu jam perjalanan dari Hakata. *Kami* tiba di Hakata pada waktu malam dalam musim luruh ketika itu. Bayangkan betapa tabahnya *kami* dilepaskan begitu, tidak tahu siapa yang akan menyambut, tidak tahu tempat penginapan dan terpaksa mengatur sendiri hal rumah sewa, pendaftaran universiti, bank, hal-hal “*alien card*” (Jepun menggunakan terma tersebut untuk pelawat asing - *kami* kurang menggemarinya).

Kumpulan demi kumpulan dihantar ke destinasi masing-masing. Ada yang ke Hokkaido, Niigata, Akita, Hiroshima, Kobe, Nagoya dan banyak lagi bandar-bandar besar lain yang tak tersenarai. Mana-mana destinasi bandar yang jauh seperti Niigata dan Hokkaido dihantar dengan menaiki kapal terbang. Beberapa orang *kami* yang ke Pulau Kyushu pula berpeluang menaiki *shinkansen*, *bullet train* di Jepun. Memang teruja dibuatnya. Untuk pengetahuan semua, harga tiket *shinkansen* adalah lebih mahal daripada tiket kapal terbang. Jadi, *kami* berasa bertuah dapat mengembara dengan menaiki keretapi laju termaju di dunia ketika itu dan kini. Nak dipendekkan cerita, *kami* pun berangkatlah ke Kyushu dengan menaiki *shinkansen* untuk ke wilayah Saga.

Setakat itu sahaja cerita *kami* ini. Nanti kita sambung bab ketibaan di stesen Hakata, harap sidang pengarang menerima penulisan itu nanti.

Setakat itu sahaja cerita *kami* ini. Nanti kita sambung bab ketibaan di stesen Hakata, harap sidang pengarang menerima penulisan itu nanti.



Faculty of Business and Management



Park and river nearby my apartment



Apartment, 2nd floor, 1st from right, mira=kancil on the road.